

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama)--Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan masyarakat Islam turut menderma kepada orang bukan Islam bagi membuktikan bahawa umat Islam bukan hanyasanggup menerima malah bersedia untuk memberi.

Perdana Menteri berkata usaha seumpamaitu bukan sahaja akan memberi gambaran yang baik terhadap Islam dan penganutnya malahan boleh merapatkan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam serta mewujudkan keamanan.

"Kalau kita sanggup mengeluarkan derma kepada orang bukan Islam, ini akan memberi gambaran lebih baik terhadap agama Islam," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim di sini, malam ini.

Majlis itu dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Dr Mahathir berkata amat aneh sekiranya masyarakat Islam tidak menderma kepada orang bukan Islam sedangkan banyak peristiwa di seluruh dunia yang menunjukkan bagaimana orang bukan Islam sanggup membantu umat Islam yang tertekan. -- Lagi

▼10/03/21-49MST

CNS5307

U GB 10-03 00142, BH520

bah

Mahathir - Derma 2 Kuala Lumpur

Sebagai contoh, katanya, bantuan makanan yang dihantar kepada masyarakat Islam di Somalia, yang menghadapi kebuluran, sebahagian besarnya adalah kerana ihsan beberapa negara bukan Islam.

"Oleh itu, sepatutnya kita tidak menghadkan diri kita untuk menderma kepada orang Islam sahaja tetapi juga kepada orang bukan Islam."

Dr Mahathir berkata oleh kerana itu beliau ingin melihat umat Islam di Malaysia mencapai kejayaan dan kekayaan serta insaf terhadap tanggungjawab mereka untuk menderma terutama kepada anak-anak yatim sebagai mematuhi satu daripada suruhan agama.

Beliau percaya dengan cara ini lebih banyak derma akan dapat dikumpulkan walaupun menyedari tentang wujudnya golongan berada yang masih enggan berkongsi kekayaan mereka.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan anak-anak yatim supaya tidak terlalubergantung kepada bantuan tetapi sebaliknya berusaha menolong diri sendiri secepat mungkin. -- Lagi

▼10/03/21-53MST

CNS5308

U GB 10-03 00149 BH521

bah

Mahathir - Derma 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Langkah seumpamaitu, katanya, bukan sahaja akan membebaskan diri mereka daripada bergantung kepada orang lain tetapi juga membolehkan mereka menghantu orang lain yang tidak mampu.

"Dengan cara itu, kita akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang tidak bergantung kepada pihak lain tetapi sebaliknya mampu mentadbir umat supaya menjadi lebih kukuh dalam apa keadaan sekalipun."

Dr Mahathir tidak mahu umat Islam hanya sanggup mengecam masyarakat bukan Islam kerana enggan membantu sebuah negara Islam yang menghadapi masalah.

Pada majlis itu beliau juga menerima derma daripada beberapa dermawan termasuk RM10,000 daripada Persatuan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) bagi pihak persatuan, yang disampaikan oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tahun ini sebanyak 760 anak yatim menerima bantuan wang tunai RM80 tiap seorang daripada persatuan itu. -- Bernama

▼10/03/21-54MST